

Kes dana SRC

Rayuan akhir Najib gagal

Hakim dalam keputusan 4-1 tolak rayuan bekas PM

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Putrajaya: Empat hakim Mahkamah Persekutuan yang menolak permohonan kebenaran Datuk Seri Najib Razak untuk menyemak sabitan dan hukumannya membabitkan dana SRC International Sdn Bhd, semalam menyatakan bekas Perdana Menteri itu adalah 'penulis' kisah malangnya sendiri.

Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Vernon Ong Lam Kiat yang membacakan penghakiman majoriti 4-1 itu berkata, keputusan rayuan akhir pada 23 Ogos tahun lalu yang dipertikaikan Najib adalah membabitkan pendapat sama ada dari segi undang-undang dan fakta.

Hakim itu berkata, walaupun cenderung untuk mengambil pendekatan berbeza, mereka tidak boleh menyatakan sama ada bersetuju atau tidak bersetuju dengan keputusan rayuan akhir itu kerana ia bukan alasan bagi permohonan kebenaran semakan berkenaan.

Malangnya, beliau berkata, maklum balas Najib di atas keputusan rayuan akhir itu adalah tidak seimbang sepenuhnya.

"Dalam affidavit sokongannya pemohon menyatakan, 'Saya telah dinafikan kebebasan asasi yang diberikan di bawah Perlembagaan Persekutuan untuk mendapatkan rayuan yang adil yang merupakan pertimbangan bagi prinsip perbicaraan yang adil.'"

"Pada pandangan kami, permohonan tidak berada dalam kedudukan untuk bersikap objektif kerana tidak boleh menerima mahkamah membuat keputusan tidak menyebelainya kecuali jika terdapat bahaya berat sebelah,



Muhammad Shafee pada sidang media selepas keputusan pendengaran permohonan Najib di Mahkamah Persekutuan, Putrajaya, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

pelanggaran keadilan semula jadi dan penyalahgunaan proses.

"Fakta bahawa perasaan yang ditunjukkan itu mungkin benar, tetapi ia tidak boleh mempengaruhi kami untuk membuat kesimpulan (dalam permohonan ini).

Vernon berkata, Aturan 137 Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 iaitu peruntukan yang diguna pakai Najib boleh digunakan pihak yang tidak berpuas hati dengan penghakiman mahkamah untuk mencegah ketidakadilan atau untuk mencegah penyalahgunaan proses.

Bagaimanapun, katanya aturan itu tidak boleh diguna pakai melainkan jika kes berada dalam ruang lingkup alasan yang terhad dan keadaan yang sangat terkecuali untuk membuat semakan.

"Dalam keadaan tiada alasan yang terhad dan keadaan yang sangat terkecuali, maka peruntukan ini jika diguna pakai oleh pihak yang tidak berpuas hati mungkin adalah penyalahgunaan proses mahkamah.

"Kami menegaskan bahawa aturan ini tidak sekali-kali boleh digunakan untuk menyalahgunakan proses mahkamah.

"Oleh yang demikian, kami berpendapat bahawa permohonan semakan ini tidak lebih daripada mencabar merit keputu-

san Mahkamah Persekutuan (dalam rayuan akhir).

Sehubungan itu, permohonan dengan ini, ditolak," katanya.

Keputusan majoriti itu dipersetujui oleh hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Rhodzariah Bujang dan Datuk Nordin Hassan serta Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Abu Bakar Jais.

Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Datuk Abdul Rahman Sebli yang mempengerusikan panel lima hakim itu membuat keputusan bertentangan

Kekal jalani hukuman penjara

Dengan keputusan sebagai usaha terakhirnya menerusi proses mahkamah, ini bermakna Najib kekal menjalani baki tempoh penjara 12 tahun yang dijatuhkan ke atasnya melainkan mendapat pengampunan daripada Yang di-Pertuan Agong.

Najib, 69, yang kini menjalani hukuman penjara 12 tahun di penjara Kajang, memohon diberi kebenaran menyemak keputusan rayuan akhirnya oleh panel yang diketuai Ketua Hakim Negara, Tengku Tuan Maimun Tuan Mat pada 23 Ogos tahun lalu dan jika dibenarkan, memohon perintah supaya dibebaskan atau secara alternatif, rayuan akhirnya didengar panel lain.

Pada 28 Julai 2020, Hakim Mah-

kamah Tinggi (kini hakim Mahkamah Rayuan), Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali mendapati Najib bersalah di atas tujuh pertuduhan pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan pengubahan wang haram dana SRC.

Mohd Nazlan sehubungan itu menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta ke atas Najib dan keputusan itu dikekalkan Mahkamah Rayuan pada 8 Disember 2021 serta panel lima Hakim Mahkamah Persekutuan dipengerusikan Tengku Maimun 23 Ogos tahun lalu.

Dalam notis usul permohonannya untuk mendapatkan kebenaran semakan Najib memohon keputusan Mahkamah Persekutuan pada 16 Ogos tahun lalu yang menolak rayuannya berhubung bukti baharu membabitkan Mohd Nazlan dan rayuan supaya hakim itu hilang kelayakan daripada mendengar kesnya, dikesepikan.

Jika ia dibenarkan, beliau memohon perintah supaya beliau dilepas dan dibebaskan daripada tuduhan atau perintah perbicaraan semula di Mahkamah Tinggi di hadapan hakim lain.

Bekas Ahli Parlimen Pekan itu juga memohon untuk mengetepikan keputusan Mahkamah Persekutuan yang menolak rayuannya supaya Tengku Maimun menarik diri dan seterusnya memohon perintah supaya ia didengar semula di hadapan panel yang mengandungi tidak kurang daripada tujuh hakim.

Beliau turut memohon kebenaran untuk menyemak mengetepikan keputusan Mahkamah Persekutuan yang menolak rayuan akhirnya dan jika dibenarkan Najib memohon dilepas dan dibebaskan atau secara alternatif rayuan akhir terbabit didengar semula panel lain.

Pada masa sama, beliau memohon mahkamah membenarkan penggantungan pelaksanaan sabitan dan hukuman sementara menunggu permohonan semakan itu didengar.